

31/05/2000

Pemimpin yakin BN menang

M Noh Senan; Ziauddin Sharuddin; Esme Johari Wahab  
PORT DICKSON, Selasa - Pemimpin Barisan Nasional (BN) melahirkan keyakinan BN mampu mempertahankan kerusi Parlimen Teluk Kemang dalam pilihan raya kecil, 10 Jun ini.

Ini adalah berdasarkan rekod perkhidmatan BN mengutamakan rakyat dengan membawa pembangunan pesat ke kawasan itu selama ini.

Selain itu, jentera kempen pilihan raya BN akan bekerja keras memberi penerangan kepada rakyat mengenai nikmat pembangunan yang BN bawa sejak memerintah negara ini.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata BN akan memberi tumpuan kepada kumpulan kecil untuk memberi penerangan pelbagai isu semasa.

"BN percaya dengan cara ini, rakyat mendapat penjelasan lebih tepat dan tidak terpengaruh dengan dakwah pembangkang yang tidak pernah nampak kebaikan kerajaan," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Sembilan berkata, pembangkang akan menggunakan isu agama untuk mendapatkan simpati pengundi.

"Malah, mereka akan memberitahu pengundi sama ada mahu pilih kuil atau masjid. Kita akan memberi penjelasan mengenai isu supaya pengundi tidak terpedaya.

"Sebenarnya, tolak ansur juga ada dalam Islam. Saya tidak nampak ini akan menimbulkan masalah," katanya.

Mohd Isa berkata, walaupun calon BN dalam pilihan raya kecil itu dari MIC tetapi kerajaan negeri ini dipimpin oleh beliau sendiri, manakala Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memimpin negara.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, berkata MCA menubuhkan lima bilik gerakan termasuk setiap satu di empat Dewan Undangan Negeri (DUN) di Teluk Kemang.

Katanya, yang juga Naib Presiden MCA, 100 program ceramah juga diadakan sepanjang tempoh kempen, terutama di kawasan pengundi Cina.

Selain itu, katanya penyelesaian pembayaran pampasan kepada bekas penternak babi di Bukit Pelanduk dan kawasan sekitar mampu menguatkan keyakinan pengundi Cina terhadap BN.

Katanya, BN serius untuk menyelesaikan masalah penternak terbabit dan sebanyak RM31 juta dibelanjakan ketika pembayaran pampasan pada satu majlis di Bukit Pelanduk, Sabtu lalu.

Sehubungan itu, katanya MCA yakin pengundi Cina akan memberi sokongan padu kepada calon BN.

Menurutnya, ini kerana DAP yang biasanya bertanding di Parlimen itu sudah hilang kekuatan hingga terpaksa menyerahkan kepada Keadilan dan dalam pakatan parti pembangkang, Pas lebih berkuasa.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata parti itu akan berusaha mendapatkan kembali kira-kira 1,300 undi kaum India yang diberi kepada calon pembangkang dalam pilihan raya umum lalu.

"MIC percaya pengundi terbabit kini sedar bahawa mengundi pembangkang tidak memberi apa-apa keuntungan kepada mereka tetapi melalui BN, nasib mereka akan dijaga," katanya yang juga Presiden MIC.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik yang juga Presiden Gerakan, berkata taktik Keadilan untuk mendapatkan undi Melayu dan memancing sebahagian undi Cina dan India tidak akan berjaya.

"BN tidak mahu menggunakan faktor kaum untuk mendapatkan undi. BN adalah gabungan parti yang mewakili semua kaum dan sesiapa yang mewakili BN

mewakili semua kaum," katanya.